

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' NGEH KOO HAM
KAWASAN : BERUAS
TARIKH : 26 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

SOALAN NO. 14

minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan adakah benar bahawa Kerajaan telah mengarahkan kontraktor-kontraktor memberhentikan pemotongan rumput dan pembersihan papan tanda jalan di sepanjang jalan-jalan Persekutuan untuk bulan Oktober, November dan Disember 2020. Jika ya, nyatakan sebab-sebab.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, **tiada arahan dikeluarkan oleh pihak Kerajaan** untuk memberhentikan pelaksanaan skop penyenggaraan rutin iaitu kerja pemotongan rumput (R03) dan pembersihan perabot jalan (R04) pada bulan Oktober, November dan Disember 2020.

Sebagai langkah penjimatan kepada Kerajaan, pihak Kementerian Kewangan (MOF) melalui surat bertarikh 6 April 2020, telah mengarahkan syarikat-syarikat konsesi Jalan Persekutuan untuk mengurangkan pelaksanaan bilangan pusingan kerja bagi skop pemotongan rumput di Jalan Utama dan di Jalan Sekunder daripada 12 kali setahun kepada 9 kali setahun. Manakala pusingan kerja di Jalan Protokol masih dikekalkan sebanyak 12 kali setahun.

Bagi skop kerja pembersihan perabot jalan, pusingan kerja di Jalan Protokol dikurangkan daripada 4 kali setahun kepada 2 kali setahun. Bagi Jalan Utama dan Jalan Sekunder pula dikurangkan daripada 2 kali setahun kepada 1 kali setahun.

Manakala bagi skop penyenggaraan rutin lain seperti penampalan lubang jalan (*potholes*), penyenggaraan bahu jalan, penyenggaraan jambatan dan pembetung, mengecat garisan jalan, pembersihan sistem saliran dan perparitan serta pemeriksaan rutin, tiada perubahan pada pusingan kerja sedia ada seperti yang ditetapkan dalam Kontrak Perjanjian.

Langkah penjimatan ini adalah merupakan salah satu langkah merasionalisasi semula bajet termasuk menilai semula kontrak-kontrak Kerajaan sebelum ini, selaras dengan keputusan Kabinet bertarikh 17 Ogos 2018. Selain itu, penjimatan dari pengurangan bilangan pusingan kerja bagi skop pemotongan rumput dan pembersihan perabot jalan ini

NO SOALAN : 14

akan diagihkan semula dan diberikan keutamaan kepada skop kerja berkala pavemen dan bukan pavemen.

Sekian, terima kasih.